



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1583

**AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
(PINDAAN) 2019**

Tarikh Perkenan Diraja 14 Januari 2019

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 18 Januari 2019

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1583

AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2019

Suatu Akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2019.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 47

2. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 47—

(a) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “private educational institution” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “private higher educational institution”; dan

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung perenggan itu perkataan “atau”;
- (ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “; atau” dengan noktah; dan
- (iii) dengan memotong perenggan (c).

Kecualian

3. Semua tindakan tatatertib terhadap mana-mana pelajar institusi pendidikan tinggi swasta yang berhubungan dengan perkara yang disebut dalam perenggan 47(2)(c) Akta ibu yang belum selesai di hadapan pihak berkuasa disiplin sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, dihentikan.